

# Kekejaman Israel jadi isu utama perbincangan

BH 1 APR 2002

Oleh Kadir Dikoh



KUALA LUMPUR, Ahad - Kemarahan negara Islam terhadap Israel dan Amerika Syarikat berikutan serangan dan keganasan terbaru rejim Yahudi di Palestin termasuk di Ramallah, dijangka menguasai perbincangan Sesi Khas Menteri-Menteri Luar Pertubuhan Persidangan Islam (ICFM) Mengenai Keganasan bermula di sini, esok.

Sesi khas itu yang akan dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga dijangka menghasilkan deklarasi yang antara lain bagi menentukan takrif keganasan, puncanya dan bentuk tindakan bagi menanganinya.

Sumber diplomatik berkata, negara anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) yang mengutuk tindakan terbaru Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon, dikatakan mahukan Deklarasi Kuala Lumpur membuat ketetapan tegas

secara kolektif bagi menangani isu itu.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar, yang ditemui pemberita hari ini, berkata serangan terbaru Israel tidak dimasukkan dalam agenda sesi itu, tetapi beliau tidak menolak kemungkinan perkara itu dibangkitkan negara OIC secara individu.

"Apa yang diharapkan ialah perbincangan mengenai isu berbangkit diadakan secara rasional dan penuh tanggungjawab. Namun, kita juga ingin membincang mengenai keganasan dalam negeri.

"Kita rasa apa yang dilakukannya Israel adalah keganasan dalam negeri. Kita mahu proses kedamaian dimulakan bagi keamanan

Timur Tengah," katanya selepas melancarkan Pusat Media Antarabangsa (IMC) yang dibuka sempena sesi khas tiga hari itu.

Dalam perkembangan terbaru, tentera Israel yang mengepung ibu pejabat Pengerusi Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) Yasser Arafat di Ramallah, turut melepaskan tembakan hingga mencederakan beberapa pegawai Arafat termasuk dua parah.

Syed Hamid berkata, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan Amerika Syarikat perlu memainkan peranan bagi menyelesaikan kekalutan di Asia Barat.

"Semua pihak perlu menerima kenyataan bahawa tindakan ganas perlu dihentikan. Selagi PBB tidak bersedia campur tangan dan memainkan peranan utama, kita akan terus menghadapi masalah," katanya.

Beliau berkata, pendi-

rian Malaysia ialah Israel seperti juga mana-mana negara, mesti patuh kepada resolusi Majlis Keselamatan PBB bagi membolehkan keamanan wujud di Asia Barat.

Katanya, Israel tidak harus dikecualikan daripada mematuhi resolusi itu dan harus menghormati pandangan masyarakat antarabangsa dalam usaha membawa kedamaian di situ.

"Oleh sebab itu, Malaysia mencadangkan mesti ada pasukan antarabangsa untuk memisahkan kedua-dua pihak, malah sebelum

kita memulakan perbincangan. Adalah penting, untuk tidak mengaitkan orang yang berjuang menentang ketidakadilan, penindasan atau menentang pendudukan asing ke atas tanah mereka, dengan keganasan.

"Kita berharap persidangan ini akan membuka laluan dalam usaha kita mengadakan persidangan peringkat antarabangsa mengenai keganasan. Bagi Malaysia, kaedah terbaik menangani keganasan ialah memenangi hati dan pemildran, mesti ada program untuk mewujudkan

persefahaman dan muhibah di kalangan rakyat," katanya.

Syed Hamid berkata, memang terdapat kebimbangan mesyuarat seperti ini akan menghasilkan persembungan pendapat.

"Kita bukannya hendak mencari kesalahan sesiapa tetapi mahu mencari penyelesaian mengenai bagaimana menangani ketidakadilan, penindasan, punca (keganasan) dan merumuskan langkah yang b&h diambil secara bersama dengan masyarakat dunia," katanya.

Beliau berkata mesyua-

rat itu akan mengengahkan perpektif Islam berhubung soal keganasan yang tidak sewajarnya pada bila-bila masa dikaitkan dengan mana-mana agama, bangsa atau kebudayaan.

"Kita yakin berdasarkan perbincangan yang sudah diadakan dan kenyataan yang disediakan, akan ada muafakat," katanya.

Syed Hamid berkata, selepas kejadian 11 September lalu, kini tepat pada masanya bagi pandangan umat Islam diketengahkan kepada dunia berhubung soal keganasan.